

Events ... (Conferences, Meetings, Trainings & Workshops)

Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri UiTM CPP 2022

Oleh Raja Rosila Raja Berahim, Nur Afiqah Ab. Latif, Noor Azli Affendy Lee, Melati Desa & Aileen Farida Mohd Adam,

Pada tanggal 20 Mei 2022 bersamaan 19 Syawal 1443H, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) telah mengadakan jamuan raya di Dewan Besar kampus Permatang Pauh. Majlis ini dijalankan bagi meraikan keluarga besar UiTM CPP bersama rakan strategik dan industri. Jamuan ini juga merupakan majlis perpisahan dua orang mantan Rektor iaitu Prof. Ts. Dr. Salmiah Kasolang yang telah tamat tempoh lantikan pada 30 April 2022 dan mantan Rektor (2018-2020) iaitu Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hisbany Mohd Hashim yang telah tamat perkhidmatan semasa permulaan Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia (PKP) disebabkan wabak pandemik COVID-19 pada tahun 2020. Disebabkan situasi pandemik yang menghadkan perjumpaan besar-besaran dari awal tahun 2020 hingga awal tahun 2022, iaitu setelah dua tahun tidak mengadakan majlis raya satu UiTM CPP, akhirnya pada tahun ini, warga UiTM CPP dapat berhimpun dan beramah mesra di Dewan Besar. Tema jamuan raya pada kali ini ialah "Beraya di Kampung".

Terdapat pelbagai juadah istimewa yang telah disediakan seperti nasi dan lauk pauk, bihin sup, laksa, mi kari, sate ayam dan daging, aneka kuih muih, biskut raya, lemang, ketupat dan rendang. Penyediaan makanan dan minuman pada kali ini disediakan oleh Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan UiTM CPP dengan kerjasama kontraktor yang telah dilantik. Ianya berbeza dengan majlis rumah terbuka sebelum ini kerana sebelum ini makanan dan minuman disediakan secara potluck oleh setiap jabatan. Pada kali ini, setiap jabatan hanya ditugaskan untuk menghias booth. Oleh itu, AJK Khidmat Masyarakat dan Kebajikan Sosial Staf APB telah dipertanggungjawabkan untuk menghias Booth No 11, iaitu tempat untuk para tetamu dan penganjur menyumbang potluck masing-masing.

Pelbagai aktiviti pentas juga diadakan iaitu penyampaian cenderahati kepada tetamu istimewa iaitu mantan-mantan Rektor UiTM CPP. Ini dirancakkan lagi dengan nyanyian lagu-lagu raya oleh kumpulan kebudayaan UiTM CPP. Selain itu, majlis jamuan raya ini juga turut diserikan dengan pertandingan gerai paling cantik dan pertandingan pakaian paling cantik mengikut tema yang telah ditetapkan. Majlis turut dimeriahkan lagi dengan cabutan bertuah yang menawarkan pelbagai hadiah menarik. Antara pemenang-pemenang cabutan bertuah ialah pensyarah APB, Puan Muriatul Khusmah Musa.

Alhamdulillah, majlis jamuan raya rumah terbuka pada tahun ini berjalan dengan sangat meriah setelah dua tahun ianya tidak diadakan akibat pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara. Semoga majlis seperti ini dapat diteruskan untuk mengeratkan lagi ukhwah sesama keluarga UiTM CPP.



Sebahagian staf APB bergambar bersama mantan Rektor UiTM CPP



AJK menyiapkan booth APB bagi sambutan Hari Raya kali ini

